



# Persatuan Matahari rai anak yatim, sumbang kelengkapan raya

Sambutan Hari Raya Aidilfitri pastinya lebih bermakna bagi anak-anak yatim dan miskin dari Rumah Tunas Harapan Semai Bakti Jengka Pahang apabila mereka menerima sumbangan kelengkapan raya daripada Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) pada 20 Julai 2014 yang lalu.

Menurut Presiden Persatuan Matahari, Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, pihaknya berharap sumbangan berbentuk sepasang baju melayu, songkok dan kasut bagi kanak-kanak lelaki dan baju kurung, tudung dan kasut ini untuk kanak-kanak perempuan dapat menceriakan lagi suasana Aidilfitri.

“Mereka yang terdiri daripada kanak-kanak berusia antara lapan hingga 18 tahun ini dibawa dari Jengka untuk membeli-belah kelengkapan raya di Pasar Raya Mydin di Kuantan.

“Jelas terpancar keriangan apabila mereka teruja memilih pakaian sendiri dan kita dapat lihat keceriaan terukir di wajah mereka semasa memilih kelengkapan mengikut warna kesukaan masing-masing,” ujarnya.

Dr. Mimi Sakinah berkata, bersempena bulan Ramadan ini juga, Matahari turut menyumbang kuih raya dan lain-lain keperluan termasuk selimut, tuala, kelengkapan kebersihan diri dan perbelanjaan dapur untuk kegunaan

penghuni Rumah Tunas Harapan ini.

Lebih meriah, mereka juga berpeluang berbuka puasa bersama-sama dengan penghuni rumah ini di Bandar Jengka Pahang.

Tambah beliau, aktiviti sukarelawan ini merupakan sebahagian daripada program anjuran Persatuan Matahari yang terdiri dalam kalangan staf wanita dan isteri staf UMP dalam mendekatkan diri dengan masyarakat luar.

Bagi penjaga kanak-kanak perempuan, Rosita Surif mengucapkan terima kasih kepada pihak Matahari kerana sudi menghulurkan sumbangan tersebut.

Katanya, mereka sungguh seronok dan tidak sabar menggayakan pakaian baharu pada pagi 1 Syawal nanti.

“Terima kasih di atas sumbangan baju raya ini yang pastinya akan menceriakan lagi sambutan Hari Raya kami nanti,” katanya lagi. Seorang penerima yang kehilangan ayah sejak beberapa tahun lalu, Siti Hajar Samsuddin, 8, berkata, ianya merupakan hadiah paling bermakna buatnya kerana dapat memilih baju raya mengikut citarasa sendiri.

Hadir sama Penasihat Persatuan Matahari, Datin Fazia Ali yang hadir bersama ahli jawatankuasa yang lain yang turun padang bagi memeriahkan lagi suasana sekaligus menunjukkan sikap prihatin terhadap nasib anak-anak yang kurang bernasib baik.

**Aktiviti sukarelawan ini merupakan sebahagian daripada program anjuran Persatuan Matahari yang terdiri dalam kalangan staf wanita dan isteri staf UMP dalam mendekatkan diri dengan masyarakat luar.**